

LAWN BOWLS (LELAKI & WANITA)

1. PERATURAN TEKNIKAL

1.1 UNDANG-UNDANG PERMAINAN

1.1.1 Pertandingan ini akan dijalankan mengikut *World Bowls* dan Persekutuan Lawn Bowls Malaysia (PLBM) yang sedang berkuatkuasa dan akan diikuti sepanjang masa kejohanan ini.

1.1.2 Sekiranya berlaku sebarang perselisihan dan isegipentafsirannya, maka undang-undang dalam Bahasa Inggeris yang terkini akan dipatuhi.

1.2 KELAYAKAN

1.2.1 Rujuk Perkara 3 Peraturan Am MASUM.

1.3 PENDAFTARAN PEMAIN

1.3.1 Pendaftaran nama-nama pemain hendaklah dilakukan dengan menggunakan borang yang disediakan oleh Jawatankuasa Pengeloladan hanyapemain-pemain yang berdaftar di dalam sistem online sahaja dibenarkan untuk bermain.

1.3.2 Setiap pasukan mestilah mengandungi tidak kurang daripada lima (5) orang pemain dan seorang pemain simpanan.

1.3.3

Borang Pendaftaran Atlet hendaklah dihantar selepas selesai Mesyuarat Pengurus Pasukan.

1.4 ACARA PERTANDINGAN

1.4.1 Acara (disiplin) yang akan dipertandingkan adalah seperti berikut:-

Lelaki dan Wanita

BIL	ACARA
1.	<i>Singles</i>
2.	<i>Pairs</i>
3.	<i>Triples</i>
4.	<i>Fours</i>

1.4.2 Susunan pemain hendaklah mengikut aturan permainan di mana acara *Singles* akan bermain serentak dengan acara *Fours* manakala acara *Pairs* akan dijalankan serentak dengan acara *Triples*.

PERATURAN PERMAINAN SUKAN MASUM

Bersatu Ke arah Kejemilang Sukan Universiti



2. PERATURAN PERTANDINGAN

2.1 SISTEM PERTANDINGAN

2.1.1 Setiap perlawanan akan berlangsung sama ada mengikut **masa** atau hingga perolehan **ends** soleh mana-mana pemain/pasukan mengikut yang mana **TERDAHULU** seperti berikut:-

BIL	DISIPLIN	ENDS	MASA	PENGGUNAAN BOWLS
1	<i>Singles</i>	21 shots	1 jam 30 minit	4 bowls setiappemain
2	<i>Pairs</i>	15 ends	1 jam 30 minit	4 bowls setiappemain
3	<i>Triples</i>	15 ends	1 jam 30 minit	3 bowls setiappemain
4	<i>Fours</i>	15 ends	1 jam 30 minit	2 bowls setiappemain

2.1.2 Apabila hon dibunyikan bagite tempoh 1 jam 30 minititu, *end* yang sedang berjalan akan dihabiskan jika *jack* telah digolek dengansah.

2.1.3 Pengurus / Atlet hendaklah mendapatkan *scorecard* 15 minit sebelum perlawanan.

2.1.4 Tiada sebarang *trial end* sebelum pertandingan.

2.1.5 Untuk acara *Singles*, pemain dibenarkan melihat perubahan pada *Head* adalah selepas meleretkan bowls ketigamanakala untuk acara pasukan hanya *Skips* sahaja yang dibenarkan. Pemain-pemain yang lain tidak dibenarkan samasekali.

2.1.6 **Pertukaran pemain simpanan boleh dibuat bagi pemain *Triples* dan *Fours* sahaja sekiranya pemain utama mengalami kecederaan dan masalah kesihatan yang serius.** Pertukaran hanya boleh dibuat sebelum perlawanan sahaja dan bukannya semasa perlawanan sedang berlangsung.

2.1.7 Bagi perlawanan peringkat kumpulan, perlawanan akan dijalankan secara liga.

2.1.8 Bagi perlawanan suku akhir, separuh akhir, penentuan ketiga / keempat dan akhir akan dijalankan secara kalah keluar.

PERATURAN PERMAINAN SUKAN MASUM

Bersatu Ke arah Kejemilang an Sukan Universiti



2.2 KEPUTUSAN PERLAWANAN

2.2.1 Pemberian mata perlawanan:

MENANG	SERI	KALAH
2 Mata	1 Mata	0 Mata

2.2.2 Pemain / Pasukan yang memperoleh **mata yang paling banyak** adalah dianggap sebagai Johan Kumpulan.

2.2.3 Jikamasihseri, pemain / pasukan yang memperoleh **perbezaan netshot (margin) yang terbanyak** akan dikirapemenang. *(Where points are equal, then the team with the greater Shots difference (Shots FOR minus Shots AGAINST) will be the higher placed team).*

2.2.4 Jikamasihseri juga, pemain / pasukan yang **memperolehi shot yang terbanyak** akan dikirapemenang. *(If equality still exists the team scoring the most Shot in all matches played in that competition will be the higher placed).*

2.2.5 Jikamasihseri juga, pemain / pasukan yang **memenangi antarakedua-duanya** akan dikirapemenang. *(If equality still exists, then the players/team who won between the two will be the winners).*

2.2.6 Jikamasihseri juga, pemain / pasukan yang **memenangi end terbanyak** akan dikirapemenang.

2.3 PENENTUAN JOHAN KESELURUHAN

2.3.1 **Penyertaan penuh bagi semua acara (disiplin)** pasukan yang bertanding.

2.3.2 Keputusan Johan Keseluruhan pasukan akan ditentukan berdasarkan **jumlah kutipan pingat emas** yang terbanyak dari 4 disiplin lelaki dan 4 disiplin wanita.

2.3.3 Jikamasihseri, **kutipan tertinggi pingat perak** akan diambil kirabagi menentukan pemenang.

2.3.4 Jikamasihseri, **kutipan pingat gangsa** akan diambil kirabagi menentukan pemenang.

2.3.5 Jikamasihseri, penentuan johan keseluruhan akan ditentukan melalui acara *Singles* di dalam perlawanan akhir.

PERATURAN PERMAINAN SUKAN MASUM

Bersatu, Kearah, Kegemilangan Sukan Universiti



2.4 PEMATUHAN PAKAIAN

- 2.4.1 Setiappasukan hendaklah menggunakan pakaian yang seragam dalam setiap perlawanan.
- 2.4.2 Setiappeserta hendaklah memakai baju yang berlejang pendek atau panjang dan berkolar. Baju *round neck* **TIDAK dibenarkan** samasekali.
- 2.4.3 Setiappeserta hendaklah memakai **seluar panjang track bottom** atau slack berwarna Putih/Krim/Beige **atau seragam** bagi lelaki dan wanita.
- 2.4.5 Hanya kasut lawn bowls yang tidak bertumit dan bertapak licin sahaja yang boleh digunakan dan dipakai.

2.5 KELEWATAN

- 2.5.1 Setiappeserta hendaklah dimulakan sebaik sahaja syarat bermain diberikan oleh *Umpires*.
- 2.5.2 Mana-mana perlawanan yang tidak dapat dijalankan setelah syarat bermain diberikan, penalti skor akan dikenakan seperti berikut:-
 - 2.5.2.1 Mana-mana pasukan yang lewat 5 minit akan memberisatu 1 shot kepada pihak lawan dan lima minit seterusnya sehinggalah melebihi 15 minit makakemenangan percuma diberikan kepada pihak lawan dengan shot 7-0.
 - 2.5.2.2 Jika permainan telah berlangsung lebih 1 jam atau 8 end dan berlaku gangguan cuaca, keputusan permainan akan diambil kira. Jika gangguan cuaca berlangsung dan perlawanan tidak melebihi 1 jam atau 8 end, perlawanan akan diberhentikan selama 30 minit dan keputusan perlawanan akan ditentukan oleh Jawatankuasa Teknikal Lawn Bowls MASUM dan akan dimaklumkan 30 minit selepas diberhentikan.

2.6 RE-SPOT JACK

- 2.6.1 Tiada *dead end* dalam permainan.
- 2.6.2 Jika *jack* telah keluar dari rink ianya akan diletakkan pada point 'T'.

2.7 BANTAHAN

- 2.7.1 Sila rujuk Peraturan Am (13.0) MASUM.

2.8 PERATURAN LAIN YANG TIDAK DINYATAKAN

- 2.8.1 Sila rujuk Peraturan Am (21.0) MASUM.

PERATURAN PERMAINAN SUKAN MASUM

Bersatu, Kearah, Kegemilangan Sukan Universiti



3. RINGKASAN PENYERTAAN

3.1 RINGKASAN

PERMAINAN	LELAKI	WANITA	PEGAWAI
LAWN BOWLS	5 (Pemain) 1 (Pemain Simpanan)	5 (Pemain) 1 (Pemain Simpanan)	4
Jumlah	6 Pemain	6 Pemain	

3.2 HADIAH-HADIAH

3.2.1 Pingat-pingatakan disediakan seperti berikut :-

Kategori Lelaki

BIL.	ACARA	PINGAT		
		Emas	Perak	Gangsa
1.	<i>Singles</i>	1(1)	1(1)	1(1)
2.	<i>Pairs</i>	1(2)	1(2)	1(2)
3.	<i>Triples</i>	1(4)	1(4)	1(4)
4.	<i>Fours</i>	1(5)	1(5)	1(5)
5.	Keseluruhan	1(6)	1(6)	1(6)
JUMLAH		5 (18)	5 (18)	5 (18)

PERATURAN PERMAINAN SUKAN MASUM

Bersatu, Kearah, Kegemilangan Sukan Universiti



Kategori Wanita

BIL.	ACARA	PINGAT		
		Emas	Perak	Gangsa
1.	<i>Singles</i>	1(1)	1(1)	1(1)
2.	<i>Pairs</i>	1(2)	1(2)	1(2)
3.	<i>Triples</i>	1(4)	1(4)	1(4)
4.	<i>Fours</i>	1(5)	1(5)	1(5)
5.	Keseluruhan	1(6)	1(6)	1(6)
JUMLAH		5 (18)	5 (18)	5 (18)